


<https://news.usm.my>

Berita Mutakhir

30 JUL 'DROP SENSOR' INOVASI PENGESAN KEHABISAN INFUSI JUARAI KIK 2016




USM PULAU PINANG, 28 Julai 2016 - Inovasi pengesan yang direka khas untuk mengesan kehabisan infusi dari mengelakkan berlakunya air embolism semasa terapi dijalankan telah berjaya menjuarai Konvensyen Kumpulan Inovasi dan Kreatif (KIK) Universiti Sains Malaysia (USM) bagi kategori Teknikal.

Inovasi yang diberi nama 'Drop Sensor' ini merupakan hasil ciptaan kumpulan Fast daripada Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) USM.

Menurut ketua kumpulan Fast yang juga merupakan Jururawat U42, Law Kim Sooi, pengesan ini dapat menjimatkan masa serta memudahkan perawatan serta menjimatkan kos.

"'Drop Sensor' ini akan membantu jururawat memberi perkhidmatan yang cekap, efisien dan berkualiti serta memenuhi kepuasan pelanggan serta kos untuk menghasilkannya juga rendah iaitu sebanyak RM81.20 sen seunit," katanya yang kini bertugas di IPPT USM.

Tambahnya, pengesan ini dapat meningkatkan perkhidmatan perawatan kepada pesakit kerana jururawat dapat terus menukar infusi tanpa perlu menunggu pesakit atau penjaganya memberitahu tentang kehabisan infusi.



"Saya berharap agar inovasi yang direka oleh kumpulan kami ini dapat dipatenkan supaya dapat digunakan oleh seluruh hospital di Malaysia bagi memudahkan dan melancarkan kerja jururawat," jelasnya yang akan mewakili USM dalam Konvensyen KIK Wilayah Utara yang akan diadakan di Langkawi pada bulan Ogos akan datang.

Johan bagi setiap kategori membawa pulang wang tunai bernilai RM300 serta piala usingan dan piala iringan.

Penganjuran Konvensyen KIK 2016 ini merupakan penanda aras dan pelantar bagi menyemarakkan lagi budaya inovasi dalam kalangan warga kampus secara keseluruhan serta membantu memupuk kreativiti dan inovasi bagi membangunkan potensi individu secara holistik dan bersepadu.

Hadiah disampaikan oleh Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr. Omar Osman. Hadir sama dalam majlis tersebut Pengarah Pusat Kajian Kelestarian Global (CGSS) USM, Profesor Dr. Kamarulazizi Ibrahim.

Teks: Syuhada abd. Aziz



Share This

Pusat Media dan Perhubungan Awam / Media and Public Relations Centre

Level 1, Building E42, Chancellory II, Universiti Sains Malaysia, 11800 USM, Pulau Pinang Malaysia

Tel : +604-653 3888 | Fax : +604-658 9666 | Email : pro@usm.my (<mailto:pro@usm.my>)

Laman Web Rasmi / Official Website : [Universiti Sains Malaysia \(http://www.usm.my\)](http://www.usm.my)

[Client Feedback / Comments \(http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp\)](http://web.usm.my/smbp/maklumbalas.asp) | USM News Portal. Hakcipta Terpelihara USM 2015